

**S** Apa yang dimaksudkan dengan selebriti kampus dari kaca mata Dr.

**J:** Menurut laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, selebriti ditakrifkan sebagai orang yang terkenal dan menjadi tumpuan ramai terutamanya dalam bidang hiburan, seperti penyanyi dan pelakon.

Di kampus universiti, yang suasananya berbeza dengan tempat lain disebabkan nilai akademiknya, tentunya makna selebriti di sini juga berbeza.

Dalam bidang akademik, seseorang yang sepatutnya digelar selebriti ialah personaliti yang amat dikenali dan patut diraikan kerana ketinggian ilmunya dan keserjanaan dalam bidang-bidang tertentu.

Mereka inilah yang patut dipopularkan dalam kampus universiti supaya menjadi ikon kepada mahasiswa dalam penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta sahsiahnya.

Hari ini, kita melihat ada trend baharu dalam kalangan mahasiswa iaitu mendekati diri dengan selebriti hiburan dan mempersilakan mereka masuk ke dalam kampus universiti apabila ada acara-acara tertentu yang berprestij.

Tindakan itu tidak salah, malah jika dilihat dari sudut positif, selebriti hiburan yang sering diraikan oleh mahasiswa ialah selebriti yang bergelar graduan universiti.

Nilai akademik yang ada pada selebriti hiburan sebegini sedikit sebanyak menukar arah pandang mahasiswa atau generasi muda, daripada menyanjungi selebriti yang tiada unsur positif kepada yang sebaliknya.

Namun, adalah lebih baik sekiranya di dalam kampus universiti, selebriti kampus diangkat dalam kalangan para sarjana yang menun-

# Selebriti kampus

## jadi ikon dunia akademik

**S**elebriti dan selebriti kampus, dua kumpulan dalam kelompok popular yang perlu diterjemahkan dalam konteks berbeza. Jika dalam keadaan biasa, selebriti ialah personaliti terkenal dalam bidang hiburan, manakala di universiti, selebriti kampus ialah seseorang yang memiliki ketinggian ilmu atau cemerlang dalam akademik serta kokurikulum. Pengarah Kolej PERMATA Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan ustazah selebriti, Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh berkongsi pandangannya mengenai kewujudan selebriti kampus seperti mana yang disampaikan kepada wartawan Varsiti, Noor Azlina Zainudin.

jukkan kecemerlangan luar biasa dalam bidang masing-masing. Sebagai contoh, pensyarah yang memegang ijazah doktor falsafah (PhD) pada usia 25 tahun atau lebih muda atau berjaya menamatkan pengajian PhD dalam tempoh singkat.

Begitu juga dalam kalangan pelajar, mereka yang sentiasa berada dalam senarai dekan dan cemerlang dalam kokurikulum, wajar diangkat sebagai selebriti kampus.

**Bagaimana seseorang mahasiswa atau ahli akademik boleh diangkat sebagai selebriti?**

**J:** Bukan mudah untuk meletakkan status selebriti kepada seseorang, apatah lagi warga universiti. Bagi

saya, seseorang mahasiswa atau ahli akademik boleh diangkat sebagai selebriti sekiranya mereka memiliki kriteria tertentu.

Apa agaknya kriteria yang perlu ada dalam diri mereka? Tiada yang khusus cuma bagi saya, beliau mestilah popular kerana kecemerlangan akademik dan kokurikulum (bagi pelajar). Sementara ahli akademik pula memiliki keserjanaan luar biasa dalam bidang-bidang tertentu sehingga menjadi pakar rujuk di kampus dan juga masyarakat umum.

Selebriti kampus juga perlu mempunyai sahsiah terpuji dan boleh menjadi contoh kepada warga kampus lain. Mempunyai integriti yang tinggi dalam menunaikan amanah dan



Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh

tanggungjawab, sama ada sebagai mahasiswa ataupun ahli akademik.

**Pandangan Dr mengenai trend masa kini yang mana ramai ahli akademik dan mahasiswa sewenang-wenangnya diangkat sebagai selebriti.**

**J:** Status selebriti itu sendiri sangat baik jika dimanfaatkan dalam konteks yang positif. Selebriti dalam perspektif warga universiti sepatutnya berbeza dengan selebriti dalam budaya popular yang diterjemahkan oleh masyarakat umum.

Sekiranya selebriti dalam maksud semasa dan yang difahami secara umum, iaitu seseorang yang popular dan dikenali kerana bakat dan kebolehan tertentu serta mempunyai pengikut tersendiri, tidak membezakan maksud 'selebriti kampus' dengan 'selebriti'.

Adalah lebih baik sekiranya mahasiswa mempunyai tujuhan berbeza dalam mengangkat seseorang sebagai ikon dan model ikutan atau qudwah hasanah kerana melambangkan ilmu yang mereka miliki.

Ini bukan bermakna selebriti yang bukan dalam konteks kampus itu tidak baik, tetapi sudut pandang berbeza dalam hal ini amat perlu supaya wujud kepelbagaian dalam mengiktiraf bakat dan keterampilan seseorang.

Malah sekiranya trend selebriti dalam kampus ini diterjemahkan dengan betul, mahasiswa tentunya akan berlumba-lumba mengangkat kebolehan diri sendiri dalam bidang akademik dan kokurikulum dengan lebih agresif.

**DALAM BIDANG AKADEMIK, SESEORANG YANG SEPATUTNYA DIGELAR SELEBRITI IALAH PERSONALITI YANG AMAT DIKENALI DAN PATUT DIRAIKAN KERANA KETINGGIAN ILMUNYA DAN KESARJANNYA DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU."**

Secara tidak langsung, sudah pasti memberi impak positif kepada dunia pendidikan kerana mampu melahirkan golongan bijak pandai yang cemerlang dalam semua bidang.

**Kesan status selebriti kepada individu itu sendiri atau kepada universiti.**

**J:** Dalam konteks selebriti kampus yang saya maksudkan di atas, akan memberi kesan yang sangat positif kepada individu itu sendiri dan

kepada universiti.

Kepada individu, mereka akan terasa dihargai dengan usaha melonjakkan diri dalam bidang yang dipakari. Mereka juga akan berusaha lebih gigih untuk mengekal atau menambah kecemerlangan tersebut.

Bagi universiti pula, ruang baharu dibuka kepada usaha untuk melonjakkan prestasi akademik dan kokurikulum pelajar.

Universiti perlu memainkan peranan utama dalam membina nama dan melahirkan 'selebriti kampus' yang sebenar sama ada dalam kalangan pelajar mahupun ahli akademik.

Mereka yang dipopularkan serta dikenali kerana kebolehan dan bakat luar biasa dalam bidang masing-masing, sahsiah dan integriti serta sikap sedia berkhidmat tentunya memberi impak yang amat baik kepada rakan sebaya atau sekerja.

Saya percaya, selebriti kampus bukan sekadar memberi impak yang baik kepada warga kampus tetapi akhirnya akan turut popular dalam kalangan masyarakat.

Mereka juga boleh menjadi ikon dalam 'industri akademik' secara keseluruhan kerana kemampuannya dalam menjadi pakar rujuk kepada masyarakat umum.

**Kelebihan atau kekurangan apabila ramai dalam kalangan warga universiti menjadi selebriti.**

**J:** Jika yang dimaksudkan adalah selebriti yang dijelaskan tadi, saya percaya tiada kekurangannya kepada individu atau universiti. Yang ada hanyalah yang baik-baik sahaja. Mereka sekali gus menjadi ikon besar di universiti dan kepada khalayak.

Cuma, sekiranya selebriti kampus ini mula meneroka ruang selebriti yang lebih besar dan luas di luar kampus, di situ akan timbul beberapa konflik yang jika tidak ditangani dengan baik, mungkin akan ada kesan negatifnya.

Antara lain ialah kesukaran membahagikan masa antara tugas hakiki dengan jempunan atau undangan daripada pihak luar untuk perkongsian ilmu sekiranya ahli akademik selebriti tidak mempunyai prinsip yang jelas dalam menghadapi situasi ini.

Mahasiswa pula tentunya sukar membahagikan komitmen antara pelajaran dengan dunia 'lain' yang menuntut perhatian mereka juga.

Sehubungan dengan itu, sekiranya dalam ruang lingkup selebriti kampus sebenar dan makna selebriti kampus itu sendiri diterjemahkan semula, saya percaya kelebihannya amat besar dan bermakna kepada individu berkenaan dan universiti.



Peserta Dai Milenia Musim ketiga, Ahmad Fuad Mohd Mokhtar merupakan pelajar USIM.